



A Cenviro Company

## Kesal sebar maklumat salah di laman sosial

**Seremban:** "Kalau tak tahu, tolong duduk diam-diam. Jangan jadi profesor tepi jalan kerana maklumat disampaikan menyusahkan ramai pihak," kata Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Mohamad meluahkan kekesalan berhubung penyebaran berita tidak benar di aplikasi WhatsApp serta Facebook mengenai insiden kebakaran empat gudang penyimpanan bahan buangan berjadual milik Kualiti Alam Sdn Bhd, di Sendayan, di sini, kelmarin.

Mohamad berkata, memang berlaku kebakaran yang agak besar, namun tidak seteruk seperti yang ditokok tambah menerusi viral berkenaan.

"Mana ada penduduk di Sendayan diarah berpindah dan tiada individu yang maut seperti diperkatakan, semua ini fitnah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan di Kompleks Belia dan Sukai Paroi, di sini, semalam.

Menurut Mohamad, kebakaran di empat gudang berkenaan berlaku apabila sebuah stor pe-

**“**Memang berlaku kebakaran yang agak besar, namun tidak seteruk seperti yang ditokok tambah menerusi viral berkenaan”

*Mohamad Hasan*

nyimpanan mengandungi bahan mudah terbakar terdedah cuaca panas sehingga berlaku letupan akibat tindak balas itu.

Katanya, kejadian jam 1.40 petang itu, bagaimanapun dapat dikawal sepenuhnya kira-kira jam 8 malam selepas anggota bomba mengambil langkah berhati-hati.

"Saya dimaklumkan pihak bomba dan penyelamat tidak dapat memadam api menggunakan air kerana bahan kimia itu bertindak balas dengan air.

"Disebabkan itu, mereka menggunakan sabun dan memerlukan sedikit masa," katanya.

Mohamad berkata, gudang itu adalah milik Kualiti Alam Sdn Bhd dan dipantau pihak Khazanah Nasional Berhad.